



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

HARI PERTAMA SIRI JELAJAH FTROADPEDIA ZON TIMUR 2.0 - PAHANG

Siri Jelajah FTRoadPedia Zon Timur 2.0 tahun 2019 berlangsung selama tiga hari bermula pada 14hb hingga 16hb Februari 2019. Rombongan siri jelajah ini menjelajah jalan persekutuan di tiga buah negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu bermula dari Kompleks Kementerian Kerja Raya.

Pasukan jelajah seramai seratus orang delegasi ini diketuai oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya dan disertai pengurusan tertinggi Kementerian, Rakan KKR dan pihak media.

Matlamat dan objektif FTRoadPedia adalah memberi nafas baharu dan persektif positif jalan persekutuan selain menonjolkan jalan persekutuan sebagai jalan utama dan menikmati sosio budaya setempat bertemakan **“Cipta Detik Indah Bersama”**.

JAMBATAN SUNGAI YU (JAMBATAN ECO VIADUCT)

Pada hari pertama jelajah, lokasi menarik yang dilawati adalah Jambatan Sungai Yu atau Sungai Yu Eco Bridge yang terletak di Jalan Persekutuan FT08. Ia merupakan sebahagian daripada Projek *Central Spine Road* (CSR) daripada Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang.

Jambatan Sungai Yu atau Sungai Yu Eco Bridge adalah merupakan jambatan Eco-Viaduct hidupan liar terpanjang yang pernah dibina di Malaysia. Ia merupakan laluan khas yang dibina untuk laluan hidupan liar di antara Banjaran Titiwangsa dan Taman Negara bagi tujuan meastikan kriteria di dalam Central Forest Spine Master Plan dipatuhi. Central Forest Spine Master Plan merupakan inisiatif kerajaan persekutuan untuk menghubungkan 4 kawasan hutan utama di Semenanjung Malaysia dengan rangkaian koridor ekologi hijau sebagai kawasan perlindungan hidupan liar.

Keseluruhan panjang jambatan ini adalah 1,302 meter melibatkan pembinaan 3 buah jambatan. Eco-Bridge 1 sepanjang 88 meter, Eco-Bridge 2 sepanjang 307 meter dan Eco-Bridge 3 adalah merupakan yang terpanjang dengan jarak 907 meter dan kos untuk ketiga-tiga jambatan ini bernilai RM61.54 juta.

Jambatan ini sebahagian jajaran Pakej 3: Gua Musang, Kelantan Ke Kampung Relong, Pahang, Seksyen 3F1: Kampung Kubang Rusa ke Kampung Sungai Yu, Merapoh, Pahang sepanjang 7 kilometer dengan kos pembinaan RM153 juta. Pelaksanaan projek ini dimulakan pada 18 Oktober 2010 dan siap pembinaan pada 17 April 2013.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

PROJEK CENTRAL SPINE ROAD (CSR) SEKSYEN 3E1: MENTARA KE MERAPOH

Lokasi kedua yang dilawati pasukan jelajah adalah Jajaran Projek *Central Spine Road* (CSR) yang sedang dalam pembinaan iaitu Seksyen 3E1 dari Mentara ke Merapoh. Seksyen 3E1 telah dimulakan pada 19 September 2016 dan dijadualkan siap pada 15 September 2019 dengan kos pembinaan sebanyak RM101.5 juta.

Skop kerja utama bagi Pakej 3E1 adalah membina jalan baharu 4 lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5 sepanjang 5.8 kilometer (km), sebuah jambatan, satu persimpangan bertingkat di Mentara dan dua *Vehicular Box Culvert* (VBC).

Projek *Central Spine Road* dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 351.25km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

- Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km);
- Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km);
- Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.8km);
- Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km);
- Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (53.95km); dan
- Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km).

Jajaran sepanjang 140.85km telah diluluskan untuk pelaksanaan iaitu 123.35km di Negeri Pahang dan 17.5km di Negeri Kelantan. Pemilihan lokasi projek adalah berdasarkan aspek keselamatan dan kesesakan lalu lintas.

Pada masa ini, jajaran sepanjang 55.35km dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang dan 5.78km dari Kampung Asap ke Kampung Sertik telah pun siap pembinaan.

Projek *Central Spine Road* merupakan laluan alternatif Jalan Persekutuan FT08 sedia ada yang dapat memberikan keselesaan kepada pengguna, mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada musim perayaan utama seterusnya menjimatkan masa perjalanan. Projek ini juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
14 FEBRUARI 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my